

**SEJARAH PENUBUHAN DAN
PERKEMBANGAN KELAB BOLA SEPAK
LIVERPOOL DI EROPAH DARI TAHUN 1892
HINGGA 2021**

HILLARY BASIR ANAK NYANAU

**FAKULTI SAINS SOSIAL KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEJARAH PENUBUHAN DAN
PERKEMBANGAN KELAB BOLA SEPAK
LIVERPOOL DI EROPAH DARI TAHUN
1892 HINGGA 2021**

HILLARY BASIR ANAK NYANAU



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA**

SAINS SOSIAL (SEJARAH)

**FAKULTI SAINS SOSIAL
KEMANUSIAAN UNIVERSITI MALAYSIA
SABAH**

2022

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

HILLARY

12 Ogos 2022

Hillary Basir anak Nyanau

BA19110228



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : HILLARY BASIR ANAK NYANAU

NO. MATRIK : BA19110228

**TAJUK : SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN KELAB BOLA
SEPAK LIVERPOOL DI EROPAH DARI TAHUN 1892 HINGGA
TAHUN 2021**

IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA

BIDANG : SEJARAH

DISAHKAN OLEH;

PENYELIA

Dr. Maureen De Silva



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Maureen De Silva', is written over a horizontal line.

PENGHARGAAN

Lafaz syukur kepada hadirat Tuhan yang maha kuasa yang menjanjikan dan memberikan kekuatan serta ketabahan kepada saya untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh perjuangan ini mendekatkan lagi diri kepada yang maha pencipta.

Saya juga turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Maureen De Silva selaku penyelia sepanjang penulisan tesis ini dilaksanakan. Segala pengorbanan beliau dari pelbagai aspek sama ada dari segi masa, tunjuk ajar terutamanya dari segi nasihat beliau akan saya kotakan dalam kehidupan saya supaya semua itu menjadi tauladan dan memantapkan pengalaman sepanjang bersama penyeliaan beliau.

Demikian juga, ibu dan saudara mara saya yang bertungkus lumus memberikan sokongan sama ada dari segi bentuk kewangan, nasihat dan dorongan selama saya melaksanakan penulisan tesis ini. Tambahan dengan itu juga, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada kesemua ahli keluarga dan rakan-rakan sama ada yang secara langsung dan tidak langsung yang turut banyak memberi bantuan terutamanya dari segi nasihat dan dorongan dari segi moral sepanjang saya menjalankan penulisan tesis ini. Sehubungan dengan itu juga, jutaan kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain terutamanya Erick Liew, Muhammad Muhaimin dan Margaret Landan kerana sudi memberikan nasihat dan pertolongan sebagai sahabat yang saling mendorong antara satu dengan yang lain bagi terus memberi semangat yang tabah dan sabar selama saya menjayakan penulisan tesis ini.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat untuk menjayakan penulisan tesis ini sama ada secara langsung dan tidak langsung. Hanya Tuhan yang maha kuasa yang mampu membalas budi anda sekalian dan turut diberikan dengan rezeki yang melimpah daripada Tuhan terhadap kalian dan keluarga anda. Sekian terima kasih.

HILLARY BASIR ANAK NYANAU

12 Ogos 2022

ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek pertubuhan dan juga perkembangan yang dialami oleh kelab Liverpool F.C di Eropah dari tahun 1892 hingga tahun 2021. Permasalahan kajian yang mendasari penyelidikan ini adalah berkaitan dengan bagaimanakah pasukan bola sepak Liverpool F.C ditubuhkan dan apakah perkembangan yang dapat dilihat ataupun dialami oleh kelab Liverpool F.C serta senarai pengurus-pengurus yang telah diberi tanggungjawab untuk memimpin atau menguruskan pasukan Liverpool F.C dari tempoh penubuhannya hingga era kini. Berdasarkan data primer dan sekunder yang diperolehi dari pelbagai sumber, kajian ini mendapati bahawa penubuhan kelab Liverpool adalah disebabkan faktor perselisihan faham antara pemilik padang Anfield dengan penyewanya yang merupakan pemilik kelab Everton F.C dan mengakibatkan pemilik padang Anfield tersebut menubuhkan pasukan bola sepaknya sendiri yang diberi nama Liverpool F.C. Kelab Liverpool ini ditubuhkan pertama kali pada tahun 1892 dan bermula daripada tahun tersebut pengurus dan pemain kelab tersebut berusaha untuk mengembangkan serta memajukan kelab Liverpool sehingga ke era kini. Dalam tempoh antara tahun 1892 hingga 2021, terdapat banyak perubahan dan perkembangan yang dialami oleh kelab tersebut dalam pelbagai aspek serta kejuaraan-kejuaraan yang telah dimiliki. Perkembangan dan kejuaraan yang dimiliki oleh Liverpool F.C adalah disebabkan oleh peranan para pengurus dan pemain yang berkhidmat di kelab tersebut, contohnya seperti Bill Shankly, Bob Paisley, Kevin Keegan, dan Steven Gerrard. Justeru, adalah penting bagi peminat-peminat Liverpool F.C untuk mengenal pasti senarai pengurus dan pemain di kelab tersebut agar dapat memahami sejarah perubahan dan perkembangan yang dialami.

Kata Kunci: Liverpool F.C, Eropah , Pertubuhan , Perkembangan, Senarai pengurus

ABSTRACT

This study focuses on the organizational aspects and also the development experienced by Liverpool FC club in Europe between 1892 to 2021. The research problem underlying this research is about how the Liverpool FC football team was established and what developments can be seen or experienced by Liverpool FC club as well as a list of managers who have been given the responsibility to lead or manage the Liverpool FC team from the period of its inception to the present era. Based on primary and secondary data obtained from various sources, this study found that the establishment of the Liverpool club was due to a misunderstanding between the owner of the Anfield field and his tenant who is the owner of Everton FC and resulted in the owner of the Anfield stadium to establish his own football team named Liverpool FC. The Liverpool club was first established in 1892 and starting from that year the managers and players of the club strive to grow and develop the Liverpool club to the present era. In the period between 1892 to 2021, there were many changes and developments experienced by the club in various aspects as well as the championships it has owned. The development and championship that Liverpool F.C have is due to the role of the managers and players who serve at the club, for example such as Bill Shankly, Bob Paisley, Kevin Keegan, and Steven Gerrard. Therefore, it is important for Liverpool F.C fans to identify the list of managers and players at the club in order to understand the history of changes and developments experienced by the club.

Keywords: Liverpool F.C, Europe, Organization, Development, List of managers


ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
BORANG PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI GAMBAR	vii
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Sorotan Literatur	3
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Kaedah Kajian	9
1.8 Struktur Kajian	10
1.9 Kesimpulan	11
BAB 2: LATAR BELAKANG LIVERPOOL & PENUBUHAN KELAB BOLA SEPAK LIVERPOOL FC DI EROPAH	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Latar Belakang Bandar Liverpool di England	13
2.3 Budaya Bola Sepak di England	22

2.4 Penubuhan Kelab Bola Sepak Liverpool FC	30
2.5 Kesimpulan	42
BAB 3: PENCAPAIAN KELAB BOLA SEPAK LIVERPOOL FC	
3.1 Pengenalan	43
3.2 1892-1950	44
3.3 1950-2000	50
3.4 2000-2021	64
3.5 Kesimpulan	71
BAB 4: ISU DAN CABARAN SERTA IMPAKNYA KEPADA LIVERPOOL FC	
4.1 Pengenalan	72
4.2 Peristiwa Heysel	73
4.3 Peristiwa Hillsborough	77
4.4 Kesimpulan	84
BAB 5: RUMUSAN	85
RUJUKAN	91

	SENARAI GAMBAR	HALAMAN
Gambar 2.1	Peta Bandar Liverpool	15
Gambar 2.2	Tugu Gangsa Bob Paisley dan Emyln Hughes yang didirikan oleh Andy Edward	16
Gambar 2.3	Arca Lukisan di National Museum of Archeology Yang Memaparkan dua individu sedang bermain Epykiros	23
Gambar 2.4	Susunan struktur Stadium Anfield	37
Gambar 2.5	Himpitan Penyokong yang Terlampau Ramai di Stadium Hillsborough	39
Gambar 2.6	Seksyen yang menempatkan para penyokong Liverpool FC dan Juventus FC	40
Gambar 3.1	John McKenna	44

Gambar 3.2	Tom Watson	46
Gambar 3.3	George Kay	49
Gambar 3.4	Bill Shankly di Liverpool	52
Gambar 3.5	Patung Arca Bob Paisley Mendukung Emlyn Hughes Keluar dari Padang	57
Gambar 3.6	Gerard Houllier Memegang Piala Liga Pada Musim 2000/01	63
Gambar 3.7	Jurgen Klopp Semasa Menjadi Pengurus Kelab Bola Sepak Liverpool FC	70
Gambar 4.1	Jumlah Penyokong Yang Ramai Berhimpit Mengakibatkan Berlakunya Runtuhan	75
Gambar 4.2	Plak Yang Dibina di Anfield Pada Tahun 2010	77
Gambar 4.3	Himpitan Berlaku Akibat Penonton Yang Terlalu Ramai	79
Gambar 4.4	Kawasan Padang Dibanjiri oleh Penonton Untuk Mengelakkan Diri Daripada Runtuhan	81
Gambar 4.5	The Hillsborough Memorial Yang Terletak Di Anfield	83



BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Secara amnya kajian ini dijalankan bagi mengkaji dan menghuraikan persoalan dan aspek kesejarahan berkenaan dengan kelab bola sepak Liverpool F.C yang pertama kali ditubuhkan pada 15 Mac tahun 1892 oleh John Houlding iaitu seorang pemilik padang Anfield. Liverpool pada asasnya merupakan nama kepada sebuah bandar raya yang terletak di bahagian Barat Laut England atau tebing Timur Muara Sungai Mersey, oleh disebabkan itu, kawasan di Liverpool juga turut dipanggil Merseyside.¹ Pada awalnya, bandar Liverpool mempunyai sebuah sahaja pasukan bola sepak iaitu Everton F.C, berikutan daripada perselisihan faham antara Lembaga Pengarah kelab Everton dan pemilik tanah di Anfield, berlakunya perpecahan yang menyebabkan tertubuhnya pasukan Liverpool F.C di Anfield, dan pasukan Everton F.C di Goodison Park yang menjadikan bandar Liverpool mempunyai dua pasukan bola sepak. Perkembangan kelab Liverpool F.C bukan sahaja dapat dilihat dari aspek kejuaraannya, bahkan juga dari aspek kemajuan kelab dan juga infrastruktur yang ada di stadium Anfield yang merupakan stadium utama pasukan Liverpool. Kemajuan infrastruktur yang dapat dilihat contohnya adalah seperti *main stand*, *centenary stand*, *Anfield road stand*, serta Melwood yang merupakan pusat Latihan pemain Liverpool.² Justeru, perkara ini perlu dilihat kembali khususnya oleh peminat-peminat tegar bola sepak Eropah agar dapat memahami kronologi sejarah dan perkembangan serta peristiwa-peristiwa atau isu penting yang berkaitan dengan Liverpool F.C.

Kegemilangan pasukan bola sepak Liverpool F.C terus kekal dapat dilihat lebih-lebih lagi ketika Liverpool F.C berada di bawah pimpinan Bill Shankly. Bill

¹ Muir, R. Central Liverpool: An Attempt at an Analysis of the Geographical Distribution of Civic Functions. *The Town Planning Review*, 1(3), (1910) 235-245.

² Our History-Liverpool FC. Dipetik dari <https://www.liverpoolfc.com/history> pada 4 Disember 2021

Shankly dilantik sebagai pengurus Liverpool F.C pada bulan Disember tahun 1959, dan dalam masa 15 tahun seterusnya Bill Shankly telah menjadikan pasukan Liverpool F.C sebagai salah satu pasukan bola sepak yang ternama di Eropah bahkan di dunia. Bill Shankly telah menjalankan pengurusan pasukannya dengan beberapa tindakan atau strategi yang khusus dalam usaha untuk membentuk sebuah kelab bola sepak yang disegani oleh kelab-kelab bola sepak lain. Strategi dan pengurusan yang dilakukan oleh Bill Shankly ini telah menjadikan Liverpool F.C sebagai sebuah pasukan yang disegani pada ketika itu dan hal inilah yang menyebabkan zaman pimpinan Bill Shankly dikatakan sebagai zaman kegemilangan Liverpool F.C di *English Premier League*. Dalam pada itu, cabaran dan isu yang dihadapi oleh kelab bola sepak ini juga perlu dikaji kerana terdapat beberapa peristiwa yang telah memberi kesan secara langsung atau tidak langsung terhadap kelab tersebut daripada pelbagai aspek. Oleh itu, kajian ini secara umumnya adalah untuk mengkaji, menganalisis, dan juga menilai latar belakang, pencapaian, dan juga isu-isu yang berkaitan dengan Liverpool F.C.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Liverpool F.C merupakan sebuah kelab bola sepak yang ternama di Eropah, bahkan juga dikenali seluruh dunia jika dilihat berdasarkan peredaran masa. Dalam tempoh tersebut iaitu dari tahun penubuhannya pada tahun 1892 hingga era kini, terdapat banyak perkembangan atau pencapaian yang dapat dilihat dengan jelas sama ada dari aspek kejuaraannya dan trofi-trofi yang dimenangi, perkembangan terhadap infrastruktur stadium, dan juga pencapaian-pencapaian dalam beberapa aspek yang lain. Akan tetapi, terdapat juga beberapa isu atau peristiwa yang timbul dalam tempoh tersebut yang telah memberi impak kepada kelab bola sepak Liverpool F.C, contohnya seperti tragedi Heysel dan juga tragedi Hillsborough. Peristiwa-peristiwa ini juga perlu dilihat semula bagi mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Liverpool F.C selama tempoh penubuhannya agar masyarakat pada masa kini khususnya peminat Liverpool F.C dapat mengetahui peristiwa sejarah hitam yang telah melanda arena bola sepak Eropah khasnya bagi pasukan Liverpool F.C.

Tragedi Heysel merupakan sebuah peristiwa yang berlaku semasa berlangsungnya perlawanan antara Liverpool dengan Juventus di Stadium Heysel pada 29 Mei 1985. Tragedi ini telah meragut 39 nyawa penyokong Juventus akibat

daripada runtuh tembok penahan yang disebabkan oleh rempuhan para penonton. Rempuhan tersebut dikatakan berpunca daripada penyokong Liverpool F.C yang melakukan rusuhan terhadap pasukan Juventus, dan pada akhirnya Liverpool F.C turut menerima impak daripada tragedi yang telah berlaku ini.³ Manakala tragedi Hillsborough pula merupakan sebuah tragedi yang berlaku pada 15 April 1989 semasa berlangsungnya perlawanan separuh akhir antara Liverpool F.C dan Nottingham Forest. Tragedi ini telah memberi tamparan yang hebat kepada Liverpool F.C, di mana 96 orang penyokong Liverpool telah terkorban dalam tragedi tersebut.⁴ Berikutan daripada hal tersebut persoalan mengenai kesan atau impak lain yang dialami oleh Liverpool F.C daripada berlakunya peristiwa tragedi ini turut menjadi tanda tanya. Dalam pada itu juga, selain daripada persoalan yang telah dinyatakan, persoalan berkenaan dengan sejarah dan juga sejauhmanakah pencapaian yang telah diperolehi serta perkembangan yang dialami oleh Liverpool F.C juga harus diketengahkan bagi menjawab atau menjelaskan permasalahan kajian yang dihadapi.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu:

- i) Membincangkan tentang sejarah latar belakang tertubuhnya kelab bola sepak Liverpool F.C di Eropah dari tahun 1892.
- ii) Menganalisis pencapaian yang telah diperolehi dan juga perkembangan yang berlaku terhadap kelab bola sepak Liverpool F.C dari tahun 1892 hingga 2021.
- iii) Menilai isu dan cabaran yang telah dialami oleh Liverpool F.C, serta impaknya terhadap kelab tersebut.

1.4 SOROTAN LITERATURE

TEMA 1: PERKEMBANGAN LIVERPOOL SEBAGAI SEBUAH BANDAR RAYA DI ENGLAND

³ Chisari, F. 5 'The Cursed Cup': Italian Responses to the 1985 Heysel Disaster. *Soccer & Society*, 5(2), 203.(2004).

⁴ Nicholson, C. E., & Roebuck, B. The investigation of the Hillsborough disaster by the Health and Safety Executive. *Safety Science*, 18(4), 251. (1995).

Couch, C. (2017). *City of change and challenge: Urban planning and regeneration in Liverpool*. Routledge. Pengkaji ini menerangkan tentang bagaimana bandar Liverpool di England mengalami perubahan, perkembangan, dan juga perbandaran sejajar dengan kemajuan dunia. Dalam kajian ini, penulis telah menghuraikan definisi atau maksud perubahan kepada sifat perancangan bandar dan juga penjanaaan semula kawasan bandar khususnya di bandar Liverpool. Dalam menerangkan tentang perkembangan bandar Liverpool dan juga maksud-maksud berkaitan perbandaran, penulis buku ini telah membahagikan isi-isinya kepada beberapa bab iaitu yang pertama adalah tentang pengenalan kepada perubahan perbandaran di Liverpool, bab yang kedua adalah tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kepada perubahan bandar tersebut, bab ketiga pula menerangkan tentang dasar-dasar ataupun polisi yang diwujudkan oleh Liverpool dalam usaha untuk memodenkan bandar tersebut. Manakala bab keempat pula adalah tentang kekurangan atau kelemahan yang dimiliki oleh beberapa program yang ditubuhkan oleh agensi-agensi di bandar tersebut. Bab kelima dan keenam menjelaskan plan atau rancangan yang strategik dalam menguruskan perbandaran dan juga penjanaaan semula yang diterajui oleh harta yang melibatkan golongan elit dalam aspek perbandaran. Manakala bab ketujuh, lapan, dan kesembilan adalah tentang plan dan rancangan penjanaaan yang berterusan.⁵ Justeru, melalui pembacaan terhadap penulisan ini, pembaca dapat memahami bagaimana Liverpool berkembang menjadi sebuah bandar yang maju melalui beberapa faktor seperti penambahan penduduk, kedudukan sebagai pelabuhan, peranan agensi-agensi dan pertubuhan dasar-dasar pembangunan, serta plan yang strategik dalam menguruskan perkembangan bandar Liverpool.

Khan, H. (2007). *Management development: A case study of Liverpool City Council*. Penulisan ini merupakan sebuah kajian yang dijalankan oleh Hussein Khan terhadap pengurusan pembangunan yang dilakukan oleh Majlis Bandaraya Liverpool. Kajian ini menghuraikan tentang maklumat-maklumat yang diperolehi daripada hasil dapatan kajian mengenai perancangan perbandaran di Liverpool. Kajian ini juga dijalankan menggunakan beberapa kaedah atau metodologi bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan pembangunan yang dijalankan di Liverpool, contohnya

⁵ Couch, C. *City of change and challenge: Urban planning and regeneration in Liverpool*. (2017), 53-60

seperti temu bual bagi mendapatkan maklum balas daripada responden, pendekatan penyelidikan, falsafah, isu etika, dan juga pengumpulan data.⁶ Kajian ini juga menghuraikan tentang bagaimana Majlis Bandaraya Liverpool membuat pelaburan dalam mewujudkan program-program serta latihan mengenai pembangunan dan juga program-program ke arah perubahan budaya. Menurut Doyle (2000), peningkatan semangat ke arah pengurusan pembangunan adalah berdasarkan bukti anekdot atau kepercayaan bahawa pengurusan pembangunan membawa manfaat kepada organisasi-organisasi tertentu. Pandangan ini turut disokong oleh Pauwee & Williams (2001) dan Miller (1991) yang merupakan penyelidik pengurusan pembangunan, dan mereka merasakan bahawa justifikasi yang dikemukakan oleh Doyle boleh diterima untuk memahami makna dalam pengurusan pembangunan khususnya di bandar Liverpool.⁷

TEMA 2: ZAMAN KEGEMILANGAN LIVERPOOL DI BAWAH PENGURUSAN BILL SHANKLY

Ward, A., & Williams, J. (2001). Bill Shankly and Liverpool merupakan sebuah penulisan yang menjelaskan tentang perubahan dalam sukan bola sepak di Eropah yang memfokuskan kepada kelab Liverpool F.C. Penerangan mengenai kerjaya Bill Shankly semasa menjadi pengurus kelab Liverpool dihuraikan dalam muka surat ke 53, di mana dalam subtopik tersebut penulis menjelaskan era kegemilangan Liverpool F.C di bawah pengurusan Bill Shankly. Bill Shankly mula menguruskan kelab tersebut pada tahun 1961 dan telah memainkan peranan penting dalam kelab tersebut dengan strategi yang teratur dan berkesan. Shankly juga turut memajukan Melwood yang merupakan pusat latihan Liverpool F.C serta mengeluarkan seramai 24 orang pemain yang kurang berpotensi selama satu tahun pengurusannya dan telah membawa masuk atau membeli pemain-pemain yang berkaliber khususnya dari Scotland untuk meningkatkan kualiti pemain-pemain Liverpool. Beliau juga turut memodenkan pendekatan latihan terhadap pemain Liverpool, contohnya pada awal Februari 1960 pemain Liverpool telah diterbangkan ke Plymouth untuk menyertai mesyuarat liga dengan Argyle dan dalam masa yang sama memberi pendedahan

⁶ Khan, H. Management development: A case study of Liverpool City Council.(2007), 32-35

⁷ *Ibid*

tentang Teknik, strategi, dan corak permainan moden kepada pemain Liverpool.⁸ Selain itu, Shankly turut memulakan program pembangunan terhadap infrastruktur dan fasiliti di Melwood iaitu pusat latihan utama kelab tersebut. Menurut Hodgson (1978), kejayaan Liverpool pada masa itu adalah disebabkan oleh kerja keras yang dilakukan semasa latihan berdasarkan kepada sistem latihan moden yang diperkenalkan oleh Shankly, Paisley, Fagan, dan Bennett yang merupakan pembantu Shankly. Penggabungan antara pemain-pemain berkaliber yang dibawa masuk oleh Shankly ke Liverpool juga merupakan antara faktor kepada kejayaan kelab tersebut, contohnya seperti Ron Yeats, Ian St John, Peter Thopmson, dan Ian Callaghan yang merupakan barisan utama Liverpool pada ketika itu. Menurut Roger Hunt, iaitu salah seorang pemain professional England pada ketika itu, rahsia kepada kejayaan kelab Liverpool adalah kerana pemain-pemain Liverpool merupakan pemain yang paling cergas atau *fit* dalam liga mereka disebabkan oleh latihan yang diberikan oleh Shankly kepada pemain-pemainnya.⁹ Justeru, banyak pembaharuan dan pembangunan yang dilakukan oleh Bill Shankly terhadap kelab Liverpool F.C dari pelbagai aspek yang menyebabkan kelab tersebut berada di era kegemilangan semasa di bawah pengurusannya.

MacCarthy, J. (2011). Liverpool FC-You'll Never Walk Alone. Penulisan ini dihasilkan untuk menjelaskan tentang latar belakang dan sejarah lagenda-lagenda yang pernah berkhidmat sebagai pemain dan pengurus di Liverpool F.C. Melalui pembacaan terhadap penulisan ini, pembaca dapat mengetahui dan memahami bagaimana lagenda-lagenda ini berjaya mengembangkan atau memajukan kelab tersebut dalam pelbagai aspek. Lagenda-lagenda yang disenaraikan di dalam penulisan ini adalah dalam kalangan pemain Liverpool sendiri dan juga pengurus yang berkhidmat menguruskan pasukan Liverpool, contohnya seperti John Toshack, Bill Shankly, dan juga Kevin Keegan. Akan tetapi, fokus utama adalah berkenaan dengan pengurusan Bill Shankly di mana beliau menggantikan ramai pemain lama dengan pemain-pemain baharu seperti Kevin Keegan dan Emlyn Hughes yang lebih berbakat bagi memantapkan barisan pemain utama serta meningkatkan keserasian antara setiap pemain. Shankly juga turut membangunkan dan menyediakan tempat

⁸ Ward, A., & Williams, J. Bill Shankly and Liverpool. i John Williams, Stephen Hopkins and Cathy Long (eds.): *Passing Rhythms–Liverpool FC and the Transformation of Football*. Oxford: Berg.(2011), 53-58

⁹ *Ibid.*, hlm.60-62

latihan yang efektif di Melwood bagi meningkatkan kecergasan para pemain. Di bawah pengurusan Bill Shankly, Liverpool telah berjaya menjuarai beberapa liga contohnya seperti UEFA Cup pada tahun 1973 dengan mengalahkan Borussia Mochengladbach di peringkat akhir. Selain itu, Liverpool juga berjaya menjuarai FA Cup pada tahun 1974 di mana Liverpool telah berjaya mengalahkan New Castle United 3-0 di Stadium Wembley. Setelah menjuarai FA Cup ini, Shankly telah mengumumkan persaraanya dalam menguruskan kelab Liverpool, dan menyerahkan tanggungjawabnya sebelum ini kepada Bob Paisley.¹⁰

TEMA 3: PENCAPAIAN DAN KEJUARAAN YANG TELAH DIPEROLEHI OLEH KELAB LIVERPOOL F.C

Balagué, G. (2011). A season on the brink: Rafael Benitez, Liverpool and the path to European glory. Buku ini menjelaskan tentang kegemilangan Liverpool yang bermula pada tahun 2004 di bawah pengurusan Rafael Benitez. Penulisan ini menghuraikan era kegemilangan Liverpool pada awal tahun 2000 sehingga menjuarai FA Cup menggunakan 16 subtopik-subtopik yang tersusun dan memberi penjelasan yang terperinci bermula daripada ketibaan Rafael Benitez di Liverpool, fenomena-fenomena yang berlaku dalam kalangan penyokong dan pemain Liverpool, aspek pengurusan Rafael Benitez, peranan Steven Gerrard di Liverpool, Perjalanan ke Istanbul, dan juga peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam padang sehingga pasukan Liverpool F.C berjaya memenangi FA Cup.¹¹ Isi-isi utama dalam penulisan ini juga penting agar pembaca dapat memahami peristiwa atau proses yang dialami oleh pasukan Liverpool semasa menjuarai FA Cup pada tahun 2005 dan peranan utama Rafael Benitez semasa menjadi pengurus di Liverpool serta peranan Steven Gerrard selaku pemain utama Liverpool pada ketika itu.¹² Justeru, buku ini adalah bertujuan untuk memberitahu pengalaman yang dialami oleh pemain dan penyokong Liverpool khususnya semasa era pengurusan Rafael Benitez yang bermula pada akhir tahun 2004, serta peranan yang dimainkan oleh Steven Gerrard selaku ketua pasukan Liverpool pada ketika itu.

¹⁰ MacCarthy, J. Liverpool FC-You'll Never Walk Alone.(2011) ,4-5

¹¹ Balagué, G. A season on the brink: Rafael Benitez, Liverpool and the path to European glory. (2011) ,2-6

¹² *Ibid.*, hlm. ,9-12

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang bertujuan untuk mendedahkan atau memberi pengetahuan kepada masyarakat yang meminati sukan bola sepak di Liga Eropah khususnya kepada penggemar-penggemar atau peminat pasukan Liverpool F.C. Kepentingan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga, iaitu:

1.5.1 Untuk menjelaskan tentang sejarah bagaimana tertubuhnya pasukan bola sepak Liverpool F.C bagi memberi dan berkongsi pengetahuan berkenaan dengan latar belakang dan sejarah pasukan atau kelab tersebut serta peristiwa yang telah menjadi isu yang membabitkan Liverpool F.C kepada masyarakat. Dengan adanya kajian seperti ini, masyarakat akan lebih memahami bagaimana idea penubuhan kelab tersebut tercetus, serta apakah faktor yang mendorong kepada penubuhan kelab Liverpool F.C ini.

1.5.2 Kajian ini juga adalah bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis perkembangan dan juga pencapaian yang telah diperolehi oleh kelab Liverpool F.C dari beberapa aspek, agar masyarakat dapat memahami perkembangan dan pertumbuhan yang telah berlaku sepanjang tempoh penubuhan kelab bola sepak tersebut.

1.5.3 Kajian ini turut menilai isu dan cabaran yang timbul berkaitan dengan beberapa peristiwa yang telah berlaku yang melibatkan beberapa aspek terhadap Liverpool F.C. Kesan daripada isu tersebut juga turut dinilai agar pembaca dapat mengetahui sejauhmanakah isu yang dinyatakan memberi impak kepada kelab bola sepak Liverpool F.C daripada sudut yang berbeza.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang memberi fokus kepada tiga skop utama iaitu yang pertama adalah skop aspek kajian di mana kajian ini adalah sebuah kajian yang berkenaan dengan sejarah penubuhan sebuah pasukan bola sepak ataupun kelab iaitu Liverpool F.C dan juga perkembangan yang dialami oleh kelab tersebut

dari masa awal penubuhannya hingga kini, sama ada dari aspek kejuaraannya, kemajuan kelab, dan juga perkembangan infrastruktur stadium yang dimiliki oleh kelab ini.

Skop kajian yang kedua pula adalah berkenaan dengan skop masa di mana kajian ini memfokuskan kepada sejarah kelab Liverpool F.C dari 1892 hingga tahun 2021. Skop masa yang digunakan ini merupakan skop masa penubuhan awal kelab tersebut iaitu pada bulan Disember tahun 1892 hingga tahun kini, agar perubahan dan juga perkembangan kelab ini dapat dijelaskan secara terperinci dan menyeluruh bagi mendedahkan pengetahuan kepada masyarakat tentang salah satu kelab ataupun pasukan bola sepak gergasi yang ada di Eropah.

Skop yang ketiga pula menyentuh tentang skop kawasan, di mana kajian ini memberi tumpuan kepada kawasan di Eropah terutamanya di bandar Liverpool atau dikenali juga sebagai kawasan Merseyside, di England. Kawasan Liverpool pada awalnya ditubuhkan oleh King John pada tahun 1207, dan kian mengalami kemajuan pesat bermula dari abad ke-18 hingga kini contohnya dari aspek kebudayaan, infrastruktur, penambahan penduduk, ekonomi, dan khususnya dari aspek kesukanan yang merupakan fokus utama dalam kajian ini. Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini, masyarakat dapat didedahkan dengan pengetahuan berkenaan dengan sejarah bandar raya Liverpool serta pasukan bola sepak ataupun kelab Liverpool F.C.

Dalam aspek skop bidang pula, kajian ini memfokuskan kepada kajian terhadap bidang sukan khususnya sukan bola sepak di Eropah, di mana bidang ini merupakan antara bidang yang diminati ramai bukan sahaja di Eropah, malah di dunia. Justeru, kajian ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan maklumat mengenai sukan bola sepak di Eropah, dan kajian ini memberi fokus kepada sebuah kelab bola sepak yang terdapat di Liga Inggeris iaitu kelab Liverpool.

1.7 KAEDAH KAJIAN

Setiap kajian diwajibkan menggunakan metod dan kaedah yang berkesan semasa ia dijalankan, hal ini agar data dan juga maklumat dapat dikumpulkan secara terperinci berkaitan dengan tajuk dan objektif sesuatu penyelidikan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpulkan maklumat berkenaan

dengan objektif kajian. Pendekatan kualitatif merupakan prosedur penyelidikan yang menghasilkan data gambaran yang boleh diamati. Penyelidikan dilaksanakan untuk mengumpulkan data dan memperoleh makna pemahaman berkaitan tajuk penyelidikan. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan tiga kaedah kualitatif iaitu:

1.7.1 Kaedah temu bual. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat atau pendapat daripada responden yang dipilih berkenaan dengan perkembangan, dan juga maklumat yang berkaitan dengan kelab Liverpool F.C.

1.7.2 Kaedah kepustakaan. Kaedah ini digunakan dalam kajian untuk merujuk apa-apa penulisan ilmiah seperti buku-buku, artikel, jurnal, dan juga majalah bagi mendapatkan maklumat yang tepat untuk memenuhi kehendak objektif kajian.

1.7.3 Internet. Pengkaji juga telah menggunakan internet sebagai rujukan dengan melayari laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk kajian.

1.8 STRUKTUR KAJIAN

Dari konteks pengstrukturkan kajian, penulisan ilmiah kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama yang ditulis untuk mencapai objektif kajian ini.

Bab yang pertama menerangkan tentang pengenalan terhadap tajuk kajian yang dijalankan. Konteks pengenalan ini merangkumi permasalahan kajian, objektif kajian, sorotan literature, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, serta struktur kajian yang digunakan sebagai panduan terhadap keseluruhan kajian ini.

Bab yang kedua pula menjelaskan tentang sejarah bagaimana tertubuhnya kelab bola sepak Liverpool F.C di Eropah dari tahun 1892. Bab ini adalah bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan sejarah penubuhan Liverpool F.C agar pembaca dapat mengetahui latar belakang dan kronologi penubuhan kelab tersebut.

Bab ketiga memfokuskan kepada perkembangan yang dialami oleh kelab Liverpool F.C dari beberapa aspek iaitu kemajuan yang dialami oleh kelab tersebut,

kejuaraan yang diperolehi, dan juga perkembangan infrastruktur yang ada di stadium Anfield. Penerangan bab ini adalah untuk menjelaskan pencapaian yang dimiliki oleh kelab tersebut agar perubahan atau perkembangannya dapat dilihat dengan jelas dalam pelbagai aspek.

Bab yang keempat pula menerangkan tentang senarai pengurus yang bertanggungjawab memimpin kelab Liverpool F.C dari tahun 1892 hingga era kini. Hal ini penting agar peminat-peminat Liverpool F.C dapat mengenalpasti senarai nama pengurus-pengurus kelab tersebut dan dalam masa yang sama dapat mengetahui era kegemilangan dan juga kemelesetan Liverpool F.C.

Manakala bab yang kelima pula adalah berkaitan dengan analisis dan kesimpulan serta rujukan-rujukan yang digunakan sepanjang menjalankan penyelidikan tajuk ini.

1.9 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kajian ini adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada masyarakat khususnya peminat Liverpool F.C berkenaan dengan latar belakang dan sejarah kelab tersebut agar masyarakat dapat melihat dengan jelas perkembangan yang dialami oleh Liverpool F.C dalam pelbagai aspek dari era penubuhannya hingga kini. Kajian atau penulisan ini juga diharapkan dapat memupuk semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat khususnya dalam sukan bola sepak agar saling menghormati antara peminat-peminat kelab bola sepak di Eropah.

BAB 2

LATAR BELAKANG LIVERPOOL DAN PENUBUHAN KELAB BOLA SEPAK LIVERPOOL F.C DI EROPAH

2.1 Pengenalan.

Kelab Liverpool F.C sememangnya tidak asing lagi bagi peminat-peminat bola sepak, khususnya peminat kepada bola sepak di Eropah, namun aspek kesejarahan kelab tersebut juga perlu diselusuri dan dilihat bagi mengenal dengan lebih dalam latar belakang Liverpool F.C. Berdasarkan kepada rekod sejarah, Liverpool F.C adalah sebuah kelab bola sepak profesional di Eropah yang dikategorikan sebagai kelab teratas atau "top tier" seiring dengan kelab-kelab profesional lain, contohnya seperti Everton, Manchester United, dan juga Arsenal. Secara domestiknya, kelab Liverpool F.C telah memenangi 19 gelaran liga dalam liga Divisyen 1, 7 piala FA Cup, 8 Piala Liga, dan 15 piala FA Community Shields/Charity Shields. Manakala dalam konteks antarabangsa, Liverpool F.C telah memenangi 6 Piala dalam European Cup, 3 piala UEFA Cup, 4 piala UEFA SuperCup, dan 1 piala dalam liga FIFA Club World Cup.¹³ Pencapaian yang telah diperolehi oleh kelab ini adalah disebabkan beberapa faktor yang didasari oleh peranan para pengurus dan juga pemain, khasnya semasa Liverpool F.C berada di bawah pimpinan Bill Shankly yang dianggap sebagai era kegemilangan kelab bola sepak ini. Bill Shankly adalah seorang pengurus kelab tersebut yang telah banyak membawa perubahan serta perkembangan terhadap Liverpool F.C semasa eranya. Oleh itu, aspek kesejarahan perlu dilihat dan diteliti kembali bagi mendalami pemahaman tentang sejarah penubuhan, perkembangan, kemerosotan, dan juga keadaan serta isu semasa dalam konteks sukan bola sepak

¹³ This is Anfield. Liverpool FC Honour List. Dipetik dari <https://www.thisisanfield.com/clubinfo/honours/> pada 17 Februari, 2022.

khususnya terhadap kelab Liverpool F.C yang merupakan fokus utama dalam kajian ini, dan justeru itu bab ini adalah bertujuan untuk mengkaji serta menjawab persoalan yang timbul berkenaan dengan sejarah dan latar belakang kelab bola sepak ini serta bandar Liverpool itu sendiri.

2.2 Latar Belakang Bandar Liverpool, England

Menurut rekod sejarah, bandar ataupun perbandaran Liverpool pertama kali diwujudkan oleh King John pada tahun 1207 melalui piagam pertamanya, dan bermula dari tahun tersebut bandar Liverpool telah wujud dan kian mengalami pelbagai perubahan yang kompleks khasnya dalam aspek sosial, ekonomi, dan juga politik yang telah membentuk identiti yang kuat terhadap bandar dan juga penduduk yang mendiami bandar tersebut.¹⁴ Pada sekitar pertengahan abad ke-16 penduduk yang mendiami kawasan Liverpool hanya sekitar 500 orang dan pembangunan serta aktiviti perdagangan yang dijalankan juga agak perlahan sehinggalah tahun 1699 apabila kapal Liverpool Merchant berlepas ke Afrika yang didorong oleh perkembangan perdagangan antara India Timur dan juga Eropah. Dok atau juga disebut sebagai Wet Dock di Liverpool pertama kali dibina pada tahun 1715 yang telah berperanan memudahkan perdagangan yang dilakukan antara Liverpool dengan negara luar. Bandar Liverpool memperoleh keuntungan besar apabila memulakan perdagangan hamba abdi, dan hal ini telah membantu Liverpool mengalami perkembangan infrastruktur melalui pembinaan-pembinaan yang dilakukan hasil daripada keuntungan perdagangan hamba abdi pada ketika itu. Sehingga penghujung abad ke-18, Liverpool telah mendominasi 80% daripada perdagangan hamba abdi di seluruh Britain, dan 40% daripada keseluruhan Eropah.¹⁵ Hal ini telah membuktikan bahawa Liverpool telah mengalami perkembangan ekonomi yang dapat mendorong kepada wujudnya kemajuan aspek-aspek lain, contohnya aspek sosial, pendidikan, perhubungan dan komunikasi, serta aspek infrastruktur lain seperti jalan raya dan bangunan khasnya. Melalui perkembangan dan juga pembangunan yang wujud di Liverpool, kemudahan keretapi juga turut

¹⁴ Boland, P. The construction of images of people and place: Labelling Liverpool and stereotyping Scousers. *Cities*, 25(6), 356. (2008).

¹⁵ Lamb, D. P. Volume and Tonnage of the Liverpool Slave Trade, 1772-1807. *Liverpool, the African slave trade, and abolition*, 2, 95. (1976).

dibina, dan pada tahun 1830 Liverpool, diikuti oleh Manchester telah menjadi bandar pertama yang memiliki hubungan keretapi antara kedua-dua bandar tersebut. Justeru itu, kemudahan perhubungan ini telah mendorong kepada kemasukan penduduk dari luar untuk berhijrah ke Liverpool, selain daripada dorongan oleh kepesatan perdagangan di bandar tersebut. Kebanyakan penduduk yang berhijrah atau datang ke Liverpool merupakan penduduk dari Ireland yang dipengaruhi oleh fenomena The Great Famine atau kebuluran di Ireland pada tahun 1840-an. Hal ini secara langsung telah meningkatkan populasi penduduk khususnya di bandar Liverpool, dan sehingga tahun 1851, 25% daripada penduduk yang mendiami bandar Liverpool dilahirkan di Ireland. Justeru, sejarah awal bandar Liverpool telah banyak mempengaruhi perkembangan dan pembangunan yang dapat dilihat hingga ke era kini. Perkembangan evolusi sejarah di bandar tersebut dalam pelbagai aspek telah mendorong kepada terbentuknya bandar Liverpool pada hari ini yang dikenali sebagai sebuah bandaraya yang maju. Oleh itu, perspektif sejarah berkaitan dengan bandar ini perlulah dilihat semula agar dapat mengenali dan lebih memahami latar belakang bandar Liverpool dan hubungkaitnya dengan Liverpool F.C.

Dari aspek geografi pula, secara amnya Liverpool merupakan sebuah bandar raya di bahagian Barat Laut England yang berada di tebing Timur muara Sungai Mersey, hal ini menyebabkan bandar Liverpool merupakan sebahagian kawasan yang dipanggil sebagai Merseyside. Secara geologinya, bandar Liverpool dibangunkan di kawasan berbukit rendah dan dari tahun ke tahun terus mengalami pembangunan atau perbandaran yang pesat hingga ke kawasan Bottle and Crosby di daerah Sefton yang berada di bahagian Utara, dan Huyton dalam daerah Knowsley di bahagian sebelah Timur. Pusat bandar raya Liverpool pula terletak sekitar 8 kilometer daripada Teluk Liverpool dan Laut Ireland. Wilayah atau bahagian tengah bandar Liverpool merupakan nadi sebenar kawasan perbandaran yang berterusan di kedua-dua belah bahagian Mersey yang turut merangkumi lebih daripada sejuta populasi penduduk. Ia juga adalah kawasan yang lebih luas daripada kawasan di sekitarnya sama ada kawasan bandar atau kawasan daerah lain yang boleh ditakrifkan sebagai kawasan yang memanjang dari Southport, dan melalui Wigan, Warrington, Chester, Wrexham ke Carnarvon dan Holyhead.